

Guide for Success Stories


Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1 Malaysia Kg. Kuala Sungga
Location Lokasi	Kampung Kuala Sungga, Tebong, Alor Gajah, Melaka
Name of person(s) Nama	Intan Azura Binti Mohd Amifizal
Details of person (s) Butiran diri	Umur : 19 tahun Jantina : Perempuan Taraf Pendidikan : Sekolah Menengah Pekerjaan : Guru Ganti Tadika KEMAS
Success story Kisah kejayaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Intan Azura Binti Mohd Amifizal merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tebong kemasukkan 2010 dan mengambil SPM pada tahun 2014. Beliau merupakan seorang pelajar yang sangat aktif dalam pelbagai kegiatan kokurikulum ketika bersekolah di SMK Tebong. 2. Berbekalkan keputusan SPM yang agak baik pada tahun 2015, beliau telah memohon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan pelbagai institut pengajian tinggi demi mencapai cita-citanya. Beliau sering mengunjungi Pusat Internet 1Malaysia Kg.Kuala Sungga untuk urusan permohonan melanjutkan pelajaran. Namun, rezeki tidak memihak kepada beliau untuk melanjutkan pelajaran pada tahun itu atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. 3. Ibu beliau mempunyai gerai yang menjual pelbagai jenis kuih-muih hasil buatan sendiri. Oleh sebab beliau sudah biasa membantu ibunya menjual kuih-muih selepas waktu sekolah, beliau tidak membuang masa dengan membantu sepenuhnya ibunya menjual kuih tetapi tetap berazam untuk melanjutkan pelajaran pada masa akan datang. 4. Disamping itu, Intan Azura turut mencari peluang pekerjaan lain untuk mencari pengalaman bekerja. Melalui Pusat Internet1Malaysia Kg. Kuala Sungga, beliau mendapat tunjuk ajar cara-cara

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>untuk membuat resume. Beliau sering menghadiri kelas-kelas yang boleh membantu menambahkan kemahiran seperti kelas asas komputer, Microsoft Words dan kelas keusahawanan.</p> <p>5. Beliau akan mengunjungi Pusat Internet 1Malaysia Kg.Kuala Sungga untuk mencari info-info pekerjaan yang sesuai dengan beliau. Hasilnya, kini beliau berjaya menjawat jawatan sebagai guru ganti Tadika KEMAS Tebong. Walaupun bersifat sementara, beliau tidak mahu mensia-siakan peluang yang ada untuk mencari pengalaman. Disamping itu beliau tetap mengikuti perkembangan semasa permohonan untuk melanjutkan pelajarannya.</p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<div data-bbox="751 768 1360 1220" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="716 1224 1396 1291">Intan Azura sedang mengikuti kelas di Pusat Internet 1Malaysia Kg.Kuala Sungga</p> <div data-bbox="751 1325 1360 1776" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="737 1780 1373 1848">Kelas pembuatan resume yang dihadiri oleh Intan Azura</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="753 751 1357 821">Intan Azura bersama rakannya mengikuti kelas Pengenalan Laman Web</p>
<p data-bbox="220 856 623 953">Photo caption names Keterangan gambar berserta nama</p>	 <p data-bbox="719 1549 1393 1619">Intan Azura binti Mohd Amifizal bertugas di Tadika Kemas Tebong</p>
<p data-bbox="220 1659 407 1717">Feedback Maklumbalas</p>	<p data-bbox="711 1659 1317 1717"><i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p data-bbox="711 1759 1365 1883">Pertama kali saya melangkah ke Pusat Internet 1Malaysia Kg.Kuala Sungga, saya tertarik dengan persekitarannya yang sangat bersih dan teratur berbeza dengan pusat-pusat internet yang pernah</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>saya lihat. Kemudahan yang lengkap seperti komputer dan pencetak memberi keselesaan kepada saya yang ketika itu masih seorang pelajar untuk menyiapkan tugas sekolah. Selain itu, layanan daripada staf yang sangat mesra membuatkan saya tidak segan untuk bertanya apabila menghadapi kemusykilan.</p> <p><i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>Kemudahan Internet adalah tarikan utama untuk saya datang ke Pusat Internet 1Malaysia ini. Internet sekarang sudah menjadi seperti keperluan kerana kebanyakan perkara yang memerlukan pendaftaran sebagai contoh kemasukkan ke Institusi pengajian tinggi lebih mudah melalui medium internet kerana lebih pantas, lebih mudah dan boleh disemak untuk kesekian kali. Kemudahan lain pun boleh dikatakan lengkap kerana terdapat mesin pencetak, mesin fotokopi, dan mesin pengimbas. Sebelum ini, kebanyakan penduduk terpaksa pergi ke bandar yang mengambil masa 20 minit untuk mencari kemudahan seperti ini.</p> <p><i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>Kemudahan yang lengkap adalah asas yang dapat membantu untuk seseorang atau satu kumpulan untuk mencapai apa yang dikehendaki. Sebagai contoh, saya sendiri, dalam tidak mahu mensesiakan masa yang ada selepas tidak berjaya mendapat sebarang tawaran untuk menyambung pelajaran, saya meminta tunjuk ajar staf di Pusat Internet 1Malaysia untuk membuat resume bagi mendapatkan kerja bagi mencari pengalaman. Segalanya jadi mudah apabila di Pusat Internet ini lengkap dengan komputer, internet, tunjuk ajar dan mesin pencetak untuk menghasilkan satu resume yang mampu mendapatkan saya kerja.</p> <p><i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Saya cadangkan Pusat Internet 1Malaysia Kg.Kuala Sungga mengadakan aktiviti seperti sukaneka supaya dapat mendekatkan Pusat Internet</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	1Malaysia dengan komuniti setempat serta dapat memperkenalkan kepentingan internet kepada komuniti memandangkan kita sudah memasuki zaman yang penuh dengan teknologi ini. Kerap mengadakan pertandingan adalah lebih bagus untuk menarik orang ramai ke Pusat Internet 1Malaysia dan mengadakan lebih banyak kursus-kursus yang bersesuaian dengan kehendak komuniti di sini.

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**